

Headline	IBR, ICPT dorong pengguna ubah sikap		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 Jul 2018	Language	Malay
Circulation	112,050	Readership	336,150
Section	Ekonomi	Page No	13
ArticleSize	852 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 50,982		



IBR, ICPT dorong pengguna ubah sikap

■ KUALA LUMPUR 11 JULAI

KAWAL Sella Berasaskan Insentif (IBR) dan Ketidakeimbangan Pelepasan Kos Bahan Api (ICPT) adalah dua akronim yang menjadi perhatian setiap enam bulan apabila hasil semakan semula terhadap ICPT itu diumumkan.

Pengumuman terbaru oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) pada akhir bulan lepas membatik surcaj ICPT iaitu langkah yang pertama kali dilaksanakan di Semenanjung selepas IBR diperkenalkan pada 2014. Mujurlah, surcaj itu hanya membatik pengguna tenaga komersial dan perindustrian.

Namun, apakah maksud di sebalik kedua-dua akronim itu serta kesannya terhadap bil elektrik individu? Inilah yang pastinya menjadi persoalan ramai yang masih asing dengan isu ini.

Atas alasan itu, *Bernama* berikongsi maklumat yang diperoleh daripada laman web ST yang juga pengawal selia tenaga Malaysia; Tenaga Nasional Bhd (TNB) - syarikat utiliti tenaga negara serta portal berita termasuk www.energywatch.com.my.

IBR yang dilaksanakan oleh ST pada 2014 merupakan sebahagian daripada Pembaharuan Industri Bekalan Elektrik Malaysia (MESI) dan diperkenalkan bagi membolehkan kawal selia TNB yang lebih telus selain menggalakkan kecekapan bagi industri tersebut.

IBR melibatkan memisahkan akaun entiti dalam TNB untuk mewujudkan proses yang telus dan bertanggungjawab.

Pembeli Tunggal yang sebelum ini merupakan sebuah jabatan di TNB, ditempatkan dalam makrostruktur penajaan, penghantaran dan pengagihan (serta runcit).

Pembeli Tunggal, yang membeli elektrik daripada TNB dan Pengeluar Tenaga Bebas (IFP) berdasarkan jadual penghantaran kos paling rendah, telah diwujudkan oleh TNB untuk menghalang potensi konflik kepentingan dan dilihat berat sebelah. Ternyata, ia memberi keutamaan kepada penjana dengan harga paling murah.



Oleh itu, di bawah rangka kerja IBR, kini terdapat lima entiti TNB iaitu Penajaan, Penghantaran, Pembeli Tunggal, Pengendali Sistem Grid dan Rangkaian Pengedaran, selain Khidmat Pelanggan.

Menurut sumber, sama dengan Pembeli Tunggal, Pengendali Sistem Grid turut diwujudkan oleh TNB dengan kedua-duanya melaporkan kepada ST.


Menerusi akaun pengawalseliasan individu, ST berupaya mengasingkan komponen tarif untuk kadar elektrik yang lebih telus yang dijana daripada tarif kelompok.

IBR turut menampilkan mekanisme ICPT yang membolehkan pelarasan dibuat dalam bil elektrik pengguna bagi tempoh pengedaran setiap enam bulan.

ICPT bermula dengan tempoh kawal selia (RP) pertama bagi tempoh Januari 2015 hingga Disember 2017 dan kini berada dalam fasa kawal selia kedua (RP2), tiga tahun lagi bermula dari 2018 hingga 2020.

Di bawah kajian semula separuh tahun ICPT, terdapat kadar berbeza rebat atau surcaj untuk mencerminkan perubahan harga bahan api bagi penajaan elektrik.

Pergerakan harga gas diimport dan harga arang batu, serta



Daripada mekanisme kos tidak telus

Kepada IBR yang memenuhi ketelusan

Sumber: www.st.gov.my

IBR yang dilaksanakan oleh ST pada 2014 merupakan sebahagian daripada Pembaharuan Industri Bekalan Elektrik Malaysia (MESI) dan diperkenalkan bagi membolehkan kawal selia TNB yang lebih telus selain menggalakkan kecekapan bagi industri tersebut.

gas domestik dalam tempoh enam bulan sebelum ini, akan dicerminkan sebagai surcaj atau rebat dalam tempoh enam bulan seterusnya.

ga Disember 2018 dengan tujuh kitaran ICPT pertama melibatkan rebat.

Rebat 2.25 sen/kWj misalnya telah diumumkan pada 2015 manakala 1.52 sen/kWj pada 2016, 2017 serta Januari sehingga Jun 2018.

Bagi tempoh Julai hingga Disember 2018, satu surcaj dikenakan. Ramai yang mungkin bertanya mengapa surcaj dikenakan kali ini dan mengapa rebat tidak diteruskan.

Sebelum perkara itu boleh dirungkai, kita perlu menghadam beberapa maklumat latar belakang seperti berikut:

1. Semua pengguna menerima kesan daripada mekanisme ICPT tetapi pengecualian diberikan untuk mereka yang menggunakan kurang daripada 300kWh elektrik sebulan, bersamaan RM77.

Sebagai tambahan, pada semakan semua ICPT baru-baru

ini, pengguna domestik dengan bil melebihi RM77 tidak perlu membayar surcaj kerana ia dibiayai oleh Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE). Bagaimanapun, baki dana KWIE semakin berkurangan.

2. Di bawah IBR, tarif asas ditetapkan untuk setiap tempoh pengawal seliaan (RP). Tarif asas meliputi kesemua operasi elektrik seperti kos bahan api dan penajaan, kos pengedaran, kos transmisi serta kos Pembeli Tunggal dan Sistem Grid.

ST dalam pengumuman terbaharunya berkenaan ICPT berkata, bahawa untuk RP2 yang berakhir pada 2020, tarif asas ditetapkan pada 39.45 sen/kWh.

3. IBR menyediakan penyesuaian enam bulan berikutan perubahan dalam kos bahan api stesen janakuasa menerusi mekanisme ICPT.

4. Penajaan tenaga Semenanjung Malaysia sangat bergantung kepada bahan api fosil dengan 53 peratus daripada sumber arang batu, 42 per-

atus gas selia dan 5.0 peratus hidro dengan bentuk lain tenaga diperbaharui (RE).

Arang batu yang diimport 100 peratus menjadikannya mudah terkesan dengan ketidakstabilan pasaran. Medium itu diimport dari Indonesia (63 peratus), Australia (24 peratus), Rusia (11 peratus) dan Afrika Selatan (2.0 peratus).

Sementara itu, sumber gas adalah dari pantai timur Semenanjung Malaysia selain diimport sebagai gas selia cecair.

Pada asasnya, komponen kos elektrik mempunyai elemen tetap dan boleh ubah, dengan faktor boleh ubah dipengaruhi oleh permintaan dunia terhadap arang batu dan gas, turun naik ringgit serta program rasionalisasi subsidi gas.

Dalam pengumuman oleh ST baru-baru ini mengenai ICPT, badan itu menjelaskan harga arang batu yang meningkat lebih 20 peratus kepada AS\$91.66/tan metrik daripada AS\$75/tan metrik telah digunakan dalam unjuran untuk mengira tarif asas.

Mata wang tempatan yang sustut kepada 4.0409 berbanding dolar AS menyebabkan harga arang batu dalam ringgit melonjak kepada lebih RM370/tan metrik daripada lebih RM250/tan metrik pada Januari 2014.

Pelaksanaan rasionalisasi subsidi harga gas telah menyebabkan harga gas meningkat secara berperingkat pada kadar RM1.50/mmbtu setiap enam bulan. Ia meningkat 69 peratus kepada RM25.70/mmbtu pada Julai 2018 daripada RM15.20/mmbtu pada Januari 2014.

Setakat ini, rebat RM6.3 bilion dilepaskan kepada pelanggan, sebahagiannya dibiayai oleh KWIE.

Pastinya, pengenaan caj tambahan kali ini menunjukkan pengurangan dana KWIE.

Justeru itu, sudah tiba masanya kita, sebagai pengguna, menilai semula sikap dalam penggunaan tenaga dan mengamalkan pendekatan cekap tenaga. - BERNAMA